

Headline	CUNGKIL RAHSIA TUMBUHAN UBATAN ORANG ASLI Nurul Husna		
MediaTitle	Nur		
Date	15 Nov 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	46,000
Page No	102 to104	Readership	138,000
Language	Malay	ArticleSize	1081 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,792
Frequency	Monthly	PR Value	RM 44,376



PROFESION DAMBAAN

• OLEH : FARIDAH TALIB • FOTO : SYED SYAZWAN
• TERIMA KASIH : TOHAN NEE, INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM), KEPONG

CUNGKIL 'RAHSIA' TUMBUHAN UBATAN ORANG ASLI, - Nurul Husna

Masuk ke ceruk hutan bersama masyarakat orang Asli adalah antara rutin kerjaya yang digalas oleh ahli botani dan Pegawai Penyelidik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Sepanjang tiga tahun berkhidmat, Nurul Husna Zaidi terlibat secara langsung di dalam projek pendokumentasian pengetahuan tradisi Orang Asli mengenai tumbuhan ubatan dan beraroma di seluruh Semenanjung Malaysia. Ikuti cabaran dan semangat gigih Muslimah ini mengkaji potensi 'kekayaan' flora warisan peribumi demi manfaat manusia sejagat.



Profil

NURUL HUSNA ZAIDI

Asal : Segamat, Johor
Pekerjaan : Pegawai Penyelidik, FRIM
Akademik : Sarjana Sains (M.Sc) Biologi
Pemuliharaan, UKM
Sarjana Muda Sains (B.Sc) Sains Biologi
Tumbuhan, UKM

NUR : Apakah bidang yang diselidiki dan sejauh manakah tahap pencapaiannya?

Husna : Sebagai Pegawai Penyelidik saya bertanggungjawab terhadap tugas merancang dan menjalankan penyelidikan tumbuhan ubatan. Daripada semasa ke semasa saya perlu melaporkan perkembangan kemajuan projek dan hasil penyelidikan serta menulis kertas kerja dan menghadiri seminar dan persidangan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Sebagai ahli botani saya juga dipertanggungjawabkan untuk memberi latihan pembangunan kapasiti kepada masyarakat Orang Asli.

Latihan ini bertujuan untuk merekodkan dan menyediakan spesimen herbarium bagi tumbuhan ubatan dan beraroma berasaskan pengetahuan tradisi Orang Asli. Spesimen herbarium (tumbuhan yang disimpan dan dikeringkan) yang telah disiapkan oleh komuniti Orang Asli sendiri ini disimpan dalam Bilik Spesimen Herbarium di FRIM. Selain itu saya juga membuat pengecaman nama saintifik bagi tumbuhan yang telah dikutip dan direkodkan. Semua data bagi setiap spesies tumbuhan ubatan kemudian dimasukkan ke dalam pangkalan data Pengurusan Herbarium dan Penyelidikan Herbarium (BRAHMS).

Sehingga ini projek ini telah melibatkan 15 daripada 18 sub etnik Orang Asli secara langsung. Secara keseluruhan

latihan pendokumentasian telah melibatkan seramai 729 peserta orang Asli. Kami berjaya merekodkan sebanyak 1329 sampel tumbuhan ubatan. Satu produk prototaip berasaskan pengetahuan tradisi daripada komuniti suku Semelai di Tasik, Bera, Pahang telah berjaya dilancarkan pada 23 Mei tahun ini.

NUR : Pada pandangan Husna apakah 'keistimewaan' Orang Asli ini hingga tumbuhan ubatannya penting diberi perhatian ?

Husna : Orang Asli seperti yang diketahui adalah masyarakat asal dan peribumi negara kita ini. Mereka

Headline	CUNGKIL RAHSIA TUMBUHAN UBATAN ORANG ASLI Nurul Husna		
MediaTitle	Nur		
Date	15 Nov 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	46,000
Page No	102 to104	Readership	138,000
Language	Malay	ArticleSize	1081 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,792
Frequency	Monthly	PR Value	RM 44,376

hidup di dalam hutan dan bergantung hidup sepenuhnya kepada sumber hutan. Selain tumbuhan ubatan pelbagai pengetahuan tradisi Orang Asli yang sangat unik dan boleh dikaji oleh penyelidik lain. Bagi saya kehidupan mereka sangat unik dan pengetahuan yang dimiliki mereka amat bernilai.

Dalam bidang perubatan khususnya mereka berpengetahuan luas dalam penggunaan tumbuhan ubatan. Mereka telah mengamalkan perubatan tradisional sejak dahulu lagi hingga turun temurun dan biasanya ilmu ini diwarisi secara lisan. Pengetahuan tradisi Orang Asli berasaskan tumbuhan ubatan kini menjadi perhatian penyelidik bukan sahaja dalam negara bahkan perhatian dari luar negara juga. Namun sekiranya pengetahuan ini tidak direkodkan lama-kelamaan pengetahuan ini akan terus hilang dalam arus kemodenan perubatan moden. Jadi projek yang sedang dijalankan oleh FRIM ini dilaksanakan bagi mengelakkan pengetahuan ini daripada terus pupus dan dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

NUR: Apakah cabaran yang dihadapi dalam penyelidikan anda dan bagaimana Husna mengatasinya?

Husna: Perkara yang paling mencabar dalam kajian ini ialah bila pertama kali mendekati masyarakat Orang Asli. Mereka ini sangat pemalu dan sukar untuk didekati masyarakat luar, bukannya mudah untuk meyakinkan mereka untuk turut serta dalam projek ini. Mana mungkin seseorang itu mahu berkongsi ilmu mereka pada pertemuan kali pertama. Jadi pada peringkat awal kumpulan penyelidik FRIM yang diketuai Dr Norini Harun, Timb. Ketua Pengarah FRIM yang juga Ketua Projek mengadakan Bengkel Kesedaran bagi memperkenalkan projek ini, menerangkan tujuan dan kepentingan projek kepada masyarakat Orang Asli sendiri serta memohon persetujuan komuniti untuk menyertai projek kajian ini. Alhamdulillah, hasrat dan tujuan murni FRIM untuk merekodkan pengetahuan tradisi mereka disambut baik oleh kesemua 15 komuniti Orang Asli yang didekati.

NUR: Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang 'turun' ke hutan dan kawasan pedalaman ?

Husna: Membuat kutipan sampel dengan bersama-sama masuk ke hutan bersama Orang Asli menjadi pengalaman yang sangat menguji ketabahan. Saya pernah melalui kawasan pembalakan, meniti di atas pokok-pokok balak yang telah tumbang kerana tanah yang tidak rata dan panas akibat pembakaran setelah pembalakan dijalankan. Menaiki motosikal dari perkampungan Orang Asli untuk ke kawasan hutan bersama rakan sekerja. Saya pernah hampir terjatuh dan tergelincir semasa mendaki bukit yang curam di kawasan ladang kelapa sawit. Kami bernasib baik kerana Orang Asli yang membawa kami membantu dengan menahan motor daripada terus berundur.

NUR: Detik yang paling membanggakan dalam kerjaya?

Husna : Detik dan kenangan yang paling membanggakan ialah apabila satu produk protaip berjaya dihasilkan daripada kajian ini. Ia telah dilancarkan di Seminar Pengetahuan Tradisi 2014 yang diadakan di PWTC. Produk prototaip ini yang berasaskan pengetahuan tradisi ini merupakan salah satu daripada spesies tumbuhan yang direkodkan oleh komuniti Semelai di Tasek Bera. Hasil kajian makmal turut mengesahkan kegunaan spesies tersebut yang dipercayai oleh masyarakat selain mempunyai potensi baru dalam bidang perubatan.



Headline	CUNGKIL RAHSIA TUMBUHAN UBATAN ORANG ASLI Nurul Husna		
MediaTitle	Nur		
Date	15 Nov 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	46,000
Page No	102 to104	Readership	138,000
Language	Malay	ArticleSize	1081 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,792
Frequency	Monthly	PR Value	RM 44,376



Beri kesedaran kepada Orang Asli



Kaum wanita tidak ketinggalan



Tarik minat kanak-kanak



Tenaga di belakang pengumpulan sampel



Selidiki nilai perubatan tumbuhan

Bayangkan hasil kajian yang dijalankan daripada peringkat awal dengan hanya merekodkan pengetahuan akhirnya membuah hasil yang amat membanggakan. Selain itu terdapat 17 spesies tumbuhan ubatan yang telah direkodkan daripada kajian ini yang mempunyai nilai potensi bagi pembangunan produk dan seterusnya menjadi sumber kekayaan baharu negara.

NUR: Apakah kerjaya ini memberi kepuasan dan apakah impian Husna dalam bidang ini?

Husna: Bidang ini memberikan kepuasan kepada diri saya kerana dapat meneroka dan melindungi alam flora yang merupakan khazanah negara yang berharga, diwarisi daripada nenek moyang kita. Dalam penyelidikan, kami cuba untuk melindungi tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi daripada terancam dan melindungi pengetahuan tradisi daripada mengalami kepupusan.

Sebenarnya masih banyak lagi spesies tumbuhan ubatan yang terdapat di negara kita yang masih belum dikenal pasti. Saya berharap agar lebih ramai generasi akan datang berminat untuk meneroka bidang. Masyarakat Orang Asli tidak terus dipinggirkan kerana mereka unik dan masih banyak lagi ilmu mereka yang boleh didalami lagi, hasil kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada mereka sebagai *owner of the knowledge*.

Saya juga bercita-cita agar satu hari nanti perubatan tradisional berasaskan pengetahuan tradisi ini diiktiraf dan diterima pakai sebagai salah satu rawatan alternatif kepada perubatan moden sekarang. Impian saya melihat sebuah hospital perubatan tradisional dibangunkan di negara kita dengan semua ubat yang digunakan adalah berasaskan tumbuh-tumbuhan.



Perjalanan cita-cita masih jauh

5 FAKTA ILMU TUMBUHAN UBATAN DARI HUSNA:

- 1** Tumbuh-tumbuhan ubatan tidak semestinya pokok daripada jenis herba.
- 2** Ulam-ulaman juga mempunyai nilai perubatan.
- 3** Bahagian tumbuhan yang selalu digunakan ialah daun dan akar.
- 4** Kebanyakan kegunaan tumbuhan ubatan ialah untuk wanita lepas bersalin dan 'aphrodisiac' (rangsang berahi).
- 5** Spesies tumbuhan mempunyai pelbagai nama yang berbeza mengikut sub etnik, bangsa dan geografi. ■